

NUS, MAS lantik Profesor Penggal MAS dalam ekonomi, kewangan

UNIVERSITI Nasional Singapura (NUS) dan Penguasa Kewangan Singapura (MAS) telah melantik pakar ekonomi kewangan, Profesor Amit Seru, sebagai Profesor Penggal MAS dalam Ekonomi dan Kewangan daripada 16 hingga 20 Disember ini.

Beliau akan dihoskan Jabatan Kewangan Sekolah Perniagaan NUS dan Kumpulan Dasar Ekonomi di MAS semasa penggal jawatan profesornya itu.

Profesor Seru ialah Profesor Kewangan Steven dan Roberta Denning di Universiti Stanford dan kajiannya tertumpu kepada pengan-taraan dan peraturan kewangan, interaksi orga-nisasi dalaman firma dengan pembiayaan dan pelaburan, dan peruntukan insentif dalam fir-ma.

Beliau juga zamil kanan di kedua-dua Institu-si Hoover dan Institut bagi Kajian Dasar Ekono-mi Stanford.